



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH  
جامعة إنسانية  
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN  
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI  
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)  
DI MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA KONTIJEN KUIN & MAJLIS  
PENYERAHAN BENDERA KONTIJEN UNTUK MASISWA NETWORKING  
GAMES 2017**

**PADA : 09 MEI 2017**



**TEKS UCAPAN REKTOR**  
**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA KONTIJEN KUIN**  
**& MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTIJEN UNTUK MASISWA**  
**NETWORKING GAMES 2017**

*9 Mei 2017 bersamaan 12 Syaaban 1438H*

---

BismiLLAH ar-Rahman ar-Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil mursalin,  
wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Dr Mohamad bin Abdul Hamid  
Pemangku Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa

YBhg. Dato' Haji Bukhari bin Abdullah  
Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan & HEP

YBrs. En. Mohd Zamri bin Shahdan

Bendahari KUIN

*En. Muzaffar bin Mohd. En. Hafiz Che Mohd*

seterusnya barisan Kontijen yang terdiri daripada Kakitangan KUIN yang dikasihi sekalian.

- 
1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita sekali lagi diberikan peluang untuk bersama-sama berkumpul untuk **Majlis Ramah Mesra Bersama Kontijen KUIN & Majlis Penyerahan Bendera Kontijen untuk MASISWA Networking Games 2017.**
  2. Saya telah difahamkan bahawa temasya sukan ini merupakan satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA) dan dipertandingkan di kalangan IPTS seluruh Malaysia.
  3. Sebanyak **34 IPTS** telahpun mengesahkan penyertaan untuk temasya kali ini dengan anggaran lebih **1,749 orang** pegawai dan atlit yang telah berdaftar. Sebanyak **20 acara** akan dipertandingkan menerusi **8 sukan** utama iaitu:
    - Bola Sepak
    - Bola Jaring
    - Bola Tampar
    - Badminton
    - Ping Pong
    - Sepak Takraw
    - Petanque
    - Tenpin Boling
  4. Saya juga telah dimaklumkan bahawa seramai lebih **33 orang** atlit telah didaftarkan dan akan mewakili KUIN dalam acara Bola Sepak, Bola Jaring dan Badminton.
  5. Saya amatlah berharap agar Unit Sukan dapat melihat semula dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyediakan bajet khusus untuk penyertaan kejohanan seumpamanya pada tahun-tahun seterusnya. Ini akan dapat memberi peluang kepada kakitangan KUIN untuk menyertai lebih banyak acara pada kejohanan akan datang.

---

6. Pepatah Arab ada menyatakan bahawa:

العقلُ السليمُ في الجسمِ السليمِ

*“Akal Yang Sihat Berada Dalam Tubuh Yang Sihat”*

7. Oleh itu, kita menyahut penuh seruan ini dengan mengambil langkah yang serius dalam usaha untuk membentuk warga KUIN yang kekal cergas, sihat, dan produktif.
8. Gunakanlah kesempatan ini dengan membina jaringan persahabatan yang harmoni sesama sahabat IPTS kita di sana nanti. Peliharalah nama KUIN sebaiknya dengan memberikan contoh dan teladan yang terbaik sepanjang kejohanan ini berlangsung. Kejayaan itu pasti akan dicapai jika kita mampu untuk kekal bersatu sebagai satu pasukan, Insya Allah.
9. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana telah terpilih mewakili KUIN dan mendoakan agar kontijen KUIN sentiasa dalam peliharaan Allah SWT, dipermudahkan segala urusan serta dapat meraih kejayaan yang cemerlang. Selamat maju jaya!

Sekian,

WABILLAHI TAUFIK WAL HIDAAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKAATUH.